

NO. SOALAN: 268

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**

**DARIPADA : TUAN TEO KOK SEONG [ RASAH ]**

**TARIKH :**

**SOALAN : 268**

**YB Tuan Teo Kok Seong [ Rasah ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan: Jumlah jumlah peruntukan dan wang ehsan yang telah diberikan kepada mangsa bencana alam berdasarkan negeri dan jenis bencana sejak tahun 2008 – tahun 2017.

**JAWAPAN : YB DATO' SERI DR SHAHIDAN BIN KASSIM**  
**MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

Bagi tempoh sepuluh (10) tahun (2008-2017) Kerajaan telah membelanjakan **RM422,404,077** bagi membantu mangsa bencana melalui bantuan terus Wang Ihsan Bencana kepada mangsa bencana. Dari jumlah tersebut mangsa bencana dari Negeri Kelantan menerima bantuan tertinggi iaitu sebanyak RM101.63 juta diikuti oleh Negeri Sarawak sebanyak sebanyak RM74.29 juta dan Negeri Pahang sebanyak RM55.85 juta. Sebanyak RM52.9 juta pula telah dibelanjakan untuk membantu mangsa bencana di Negeri Terengganu, RM51.38 juta kepada Negeri Kedah, RM34.43 juta kepada Negeri Johor, 21.54 juta kepada Negeri Sabah, RM11.79 juta untuk Negeri Selangor, RM10.99 juta untuk Negeri Perak, RM4.5 juta untuk Negeri Melaka, RM1.51 juta bagi Negeri Sembilan, RM696,740 bagi Pulau Pinang, RM403,000 bagi Negeri Perlis, RM244,000 bagi mangsa bencana di Wilayah Persekutuan Labuan dan RM 215,000 bagi Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur,

Bagi pecahan bantuan Wang Ihsan mengikut jenis bencana pula, bagi tempoh (10) tahun (2008-2017) Kerajaan telah membelanjakan RM412.33 juta bagi bantuan Wang Ihsan kepada mangsa banjir, RM4.98 juta kepada mangsa ribut angin, RM3.36 juta kepada mangsa kebakaran, RM617,497 kepada mangsa tanah runtuh, RM291,000 kepada mangsa gempa bumi, RM244,000 kepada mangsa bot karam, RM192,000 kepada mangsa tsunami dan RM376,000 kepada lain-lain jenis bencana.

Sekian, Terima Kasih